



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: respon@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA GANTUNG PENGIMPORAN LEMBU DAN KERBAU DARIPADA THAILAND

1. Menilai kepada risiko penularan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang dilaporkan telah menular kepada lebih 41 province di negara Thailand, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil ketetapan untuk **menggantung** pengimportan lembu dan kerbau daripada Thailand berkuatkuasa **serta-merta**.
2. Ketetapan ini diambil bagi membendung risiko penularan penyakit LSD daripada negara Thailand demi kepentingan industri penternakan ruminan Negara.
3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyeru semua pemain industri (pengimport, peraih dan penternak) memberi kerjasama dengan membatalkan tempahan (sekiranya ada) dengan pihak pembekal lembu dan kerbau di Thailand. Pemain industri juga dinasihatkan supaya segera melaporkan kepada pihak berkuasa Veterinar di negeri dan daerah berdekatan sekiranya terdapat lembu dan kerbau di ladang/kandang menunjukkan gejala jangkitan LSD untuk tindakan kawalan dan pencegahan.
4. Walaupun penyakit LSD tidak zoonotik (tidak menjangkiti manusia), tetapi memberi kesan ekonomi kepada industri penternakan ruminan dan kerugian akibat penurunan berat badan, penurunan pengeluaran susu, keguguran dan kemandulan pada ternakan yang terjangkit.

5. Sebagai usaha membanteras kemungkinan penyeludupan lembu dan kerbau daripada negara Thailand, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapatkan kerjasama pihak berkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) untuk mempertingkatkan kawal selia di sepanjang sempadan Malaysia - Thailand. Kerjasama pihak berkuasa KASTAM dan MAQIS untuk mempertingkatkan pemeriksaan di pintu masuk negara bagi menghalang kemasukan lembu dan kerbau daripada negara Thailand.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Putrajaya

08 Jun 2021